AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : NASIONAL

# Punca kes COVID-19 meningkat

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Pesakit tidak menyedari mereka dijangkiti, kemunculan varian Delta yang menular lebih pantas adalah antara punca peningkatan kes COVID-19 di Greater Klang Valley (GKV) walaupun kadar pemberian vaksinasi telah ditingkatkan.

Peningkatan kes juga disebabkan jangkitan COVID-19 kini sudah menular secara meluas dalam komuniti, manakala tempoh keberkesanan vaksin bertindak balas terhadap virus mengambil masa sekurang-kurangnya dua minggu.

Dijangkakan jumlah kes akan terus meningkat selama beberapa hari lagi berikutan keputusan Kementerian Kesihatan (KKM) menggalakkan penggunaan ujian kendiri dan Antigen Rapid Test Kit (RTK-Ag).

> Ramai yang mempersoalkan mengapa kes terus meningkat. Justeru, penting untuk kita fahami bahawa penularan wabak ini jauh lebih besar berbanding jumlah kes positif yang dikesan setiap hari
>
> ***Datuk Dr Chong Chee Kheong,***
> *Komander Pasukan Petugas Khas Greater Klang Valley (GKVSTF)*



Mengulas lanjut mengenainya, Komander Pasukan Petugas Khas Greater Klang Valley (GKVSTF) Datuk Dr Chong Chee Kheong, berkata kebanyakan pesakit tidak menyedari mereka dijangkiti dan boleh menyebarkan virus itu kepada orang lain kerana mereka tidak mengalami gejala atau pra-simptomatik.

Nasional 2

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL

# Langkah strategik dirangka optimum rawatan COVID-19

*Dari Muka 1*

Beliau yang juga Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), berkata kemunculan varian Delta yang mempunyai kadar jangkitan lebih tinggi dalam komuniti turut menyumbang kepada peningkatan kes.

"Berdasarkan data daripada negara yang merekodkan kadar vaksinasi tinggi mendapati, jangkitan COVID-19 masih boleh berlaku akibat varian Delta, walaupun terdapat pengurangan ketara bilangan pesakit dimasukkan ke hospital dan mengalami gejala teruk.

"Jangkitan COVID-19 juga sudah menular dengan meluas dalam komuniti hingga kapasiti hospital di Greater Klang Valley, termasuk unit rawatan rapi (ICU) sudah mencecah tahap maksimum," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Pada masa sama, beliau berkata, tahap keberkesanan vaksin bertindak balas dan melindungi penerima pula mengambil masa sekurang-kurangnya dua minggu selepas individu melengkapkan vaksinasi.

"Ramai yang mempersoalkan mengapa kes terus meningkat. Justeru, adalah penting untuk kita fahami bahawa penularan wabak ini adalah jauh lebih besar berbanding jumlah kes positif yang dikesan setiap hari.

"Peningkatan kes dan kematian COVID-19 menunjukkan betapa seriusnya keadaan sekarang dan ini amat membimbangkan," katanya.

Dr Chee Kheong menjangkakan jumlah kes akan terus meningkat selama beberapa hari lagi berikutan galakkan penggunaan ujian kendiri dan Antigen Rapid Test Kit (RTK-Ag).

"Bagaimanapun, jangan khuatir kerana kami cuba sedaya upaya untuk mengesan sebanyak mungkin kes positif bagi mengurangkan penularan wabak dalam komuniti kita.

"Dengan lebih banyak kes positif dan kontak rapat, mereka akan diasingkan dan dikuarantin, kes akan mula berkurangan dalam beberapa minggu.

"Jika ini dapat dicapai, strategi ujian saringan COVID-19 dapat disusun semula bagi memastikan pengesanan kes untuk pengasingan dan pemantauan adalah lebih berkesan," katanya.

Bagi membendung penularan wabak itu, Dr Chee Kheong berkata, GKVSTF sudah merangka beberapa langkah strategik bagi mengoptimumkan perkhidmatan rawatan, mengurangkan penularan virus serta menyediakan perkhidmatan sokongan kepada komuniti dan petugas kesihatan.

Katanya, melihat kepada situasi terkini, strategi pengurusan wabak akan berubah daripada membendung kepada mitigasi dalam usaha mencegah kematian dan meminimumkan penyebaran penyakit.

"Antara inisiatif utama termasuklah meningkatkan kapasiti katil, penjagaan ICU, bekalan oksigen, mobilisasi tenaga kerja dan pembabitan sukarelawan.

"Selain itu, langkah untuk memindahkan pesakit bukan COVID-19 ke hospital swasta juga dapat membantu meningkatkan kapasiti katil di hospital kerajaan selain bantuan tentera dari segi tenaga kerja dan logistik," katanya.

Pihaknya juga mengukuhkan Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) dengan melaksanakan CAC maya kepada individu tidak bergejala dan bergejala ringan serta memperkukuh pengurusan pemantauan pesakit di rumah.

"Kita juga menawarkan lebih banyak ujian RTK-Ag di klinik kesihatan dan kepada pengamal perubatan am melalui penjualan kit ujian kendiri yang diluluskan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) bagi membolehkan lebih banyak ujian dijalankan.

"Kit ujian kendiri menggunakan air liur juga boleh didapati di farmasi bagi membolehkan orang ramai melakukan ujian di rumah," katanya.

Pasukan berkenaan juga akan meningkatkan sokongan kepada barisan hadapan di hospital dan fasiliti kesihatan, selain memperkukuh sistem sokongan sosial dan emosi orang awam.

"Kita akan mendapatkan dan memperuntukkan sejumlah dana bagi tujuan perolehan peralatan perubatan serta ubat tambahan, selain berusaha meningkatkan komunikasi dengan orang awam mengenai isu kritikal dan sentiasa mengemaskini maklumat semasa.

"Kakitangan di hospital, fasiliti kesihatan dan bahagian pengurusan kini keletihan tetapi kami tetap di sini untuk anda dan akan terus bekerja bagi mengatasi krisis ini," katanya.

Dr Chee Kheong juga menasihatkan individu di Greater Klang Valley yang mengalami gejala COVID-19, supaya menjalani ujian saringan serta melakukan pengasingan kendiri di kediaman sebaik disahkan positif dengan gejala ringan atau tanpa gejala.

"Kami tidak mahu kesesakan di hospital dengan kes ringan agar rawatan bagi pesakit yang lebih teruk dapat diutamakan.

"Kakitangan kesihatan akan menghubungi mereka yang *red flagged* sebagai pesakit yang berisiko tinggi untuk dibawa ke CAC ataupun hospital," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

# Kes sporadik dalam komuniti penyumbang utama

**Putrajaya:** Tanggapan bahawa kilang menjadi punca utama jangkitan COVID-19 di dalam masyarakat sebenarnya jauh tersasar, kata Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Beliau yang juga Menteri Penyelaras Pelan Pemulihan Negara (PPN) berkata, berdasarkan data Kementerian Kesihatan (KKM), kes penularan COVID-19 membabitkan sektor pembuatan hanya lima hingga 10 peratus dari jumlah keseluruhan kes.

Katanya, apa lebih kritikal ialah jumlah mutlak kes di mana kes sporadik dalam komuniti menyumbang kepada 70 peratus dari kes keseluruhan COVID-19, manakala hanya 30 peratus membabitkan kes kluster, termasuk kluster dari sektor pembuatan.

"Walaupun, penularan melalui sektor pembuatan bukan punca utama penularan COVID-19, kerajaan tidak mengambil mudah langkah untuk mengurangkan kadar jangkitan di tempat kerja.

"Kerajaan melancarkan Program Imunisasi Industri Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) COVID-19 yang bertujuan membantu mempercepat vaksinasi, khususnya bagi golongan pekerja di mana kerajaan akan menyediakan bekalan vaksin, manakala pihak syarikat atau kilang akan memudahcara urusan logistik yang berkaitan," katanya dalam Laporan LAKSANA Ke-63, semalam.

Tengku Zafrul menjelaskan, penutupan sepenuhnya kilang hanya akan memberi impak minimum kepada kawalan penularan COVID-19, tetapi kesannya sangat besar kepada pekerja yang kehilangan mata pencarian dan rantaian bekalan, terutama bekalan asas.

"Ya, memang benar mengesan kluster itu penting bagi mengenalpasti lokasi atau lokaliti di mana tindakan bersasar bagi kawalan dan pencegahan penularan jangkitan COVID-19 dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh KKM," katanya.

Selain daripada PIKAS, beliau berkata, kerajaan sudah mengumumkan inisiatif seperti Safe@Work dan insentif potongan cukai bagi ujian saringan.

"Kerajaan juga bersetuju memberi potongan cukai ke atas perbelanjaan merangkumi kos peralatan dan perkhidmatan penyediaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) oleh majikan," katanya.

Penularan COVID-19

# 17,405 jangkitan baharu

## 12,373 pesakit dibenarkan pulang, 143 lagi kematian

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

**Putrajaya:** Kes harian positif COVID-19 sekali lagi mencatatkan angka tertinggi apabila sebanyak 17,405 kes dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, yang berkongsi ringkasan laporan di media sosial, berkata sehingga kini jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 sudah mencecah 1,061,476 kes.

Beliau berkata, kes pesakit COVID-19 sembuh dicatatkan semalam juga tertinggi, iaitu 12,373 kes dengan jumlah kes keseluruhan yang sembuh daripada jangkitan wabak itu kini mencecah 877,812.

Katanya, 17,399 kes membabitkan penularan tempatan, manakala enam lagi adalah kes import. Selangor merekodkan sebanyak 7,171 baharu, diikuti Kuala Lumpur dengan 2,880 kes dan Kedah (1,112); Sabah (913); Negeri Sembilan (863); Johor (767); Pulau Pinang (760); Kelantan (532) dan Melaka (531).

"KKM juga merekodkan 143 kematian menjadikan jumlah kematian kini sebanyak 8,551 kes.

"Selain itu, 1,016 kes ini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 529 memerlukan bantuan alat pernafasan," katanya semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 41 kluster jangkitan juga dilaporkan semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kluster wabak COVID-19 negara adalah 3,568 setakat ini, dengan 2,518 kluster sudah ditamatkan dan 1,050 kluster masih aktif.

Beliau juga berkata, daripada 17,405 kes harian dilaporkan semalam, 374 kes (2.1 peratus) adalah daripada kategori tiga, empat dan lima manakala, 17,031 kes (97.9 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Secara keseluruhan, hanya 2,032 kes (11.7 peratus) daripada jumlah kes semalam mempunyai sejarah vaksinasi, iaitu masing-masing lima pesakit kategori lima dan sembilan kategori empat sudah divaksinasi, selain 35 pesakit dalam kategori tiga juga sudah menerima pelalian.

"Seramai 1,489 pesakit kategori 2 dan 494 pesakit kategori 1 juga sudah menerima vaksinasi masing-masing," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, melalui kajian berterusan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), pihaknya mengenal pasti sebanyak 10 kes varian Delta (B.1.617.2) antara 22 Julai lalu hingga hari ini.

Beliau berkata, penemuan itu menjadikan jumlah kumulatif kes yang dijangkiti virus SARS-CoV-2 dikategorikan varian membimbangkan (VOC) dan varian berkepentingan (VOI) sebanyak 439 kes.

"Daripada jumlah dikesan itu, 419 kes adalah VOC, manakala 20 adalah kes VOI. Secara keseluruhan, sehingga kini, bagi VOC ada 206 kes varian Beta, 199 kes varian Delta dan 14 kes varian Alpha, manakala bagi VOI terdapat 13 kes varian Theta, empat kes varian Kappa dan tiga kes varian Eta," katanya.



*Petugas kesihatan membuat ujian calitan kepada paramedik Angkatan Tentera Malaysia susulan penutupan Hospital Medan di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan, semalam.* (Foto BERNAMA)

# 'Usah politikkan guna Ivermectin'

**Kuala Lumpur:** Ahli Parlimen digesa tidak mempolitikkan isu penggunaan ubat antiparasit haiwan, Ivermectin kepada pesakit COVID-19 di negara ini.

Pakar farmasi menyifatkan saranan beberapa Ahli Parlimen yang mendesak Ivermectin digunakan tanpa mengambil kira keputusan ujian klinikal, sebagai tidak wajar dan boleh mendatangkan risiko keselamatan pesakit COVID-19.

Ia berikutan penggunaan Ivermectin dengan dos tidak tepat boleh menyebabkan kesan sampingan yang serius, termasuk buta, sesak nafas dan koma.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia (MPS), Amrahi Buang, mempersoalkan desakan itu yang rata-ratanya tanpa berasaskan bukti dan data kajian perubatan, sebaliknya dibuat berpandukan perasaan panik akibat situasi semasa penularan COVID-19.

Bekas Ketua Pegawai Farmasi Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) itu berkata, semua pihak perlu membiarkan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) membuat keputusan secara bebas tanpa campur tangan pentadbiran atau desakan politik demi kebaikan semua pihak.

"Buat masa ini, produk Ivermectin yang didaftarkan di Malaysia hanya diluluskan untuk kegunaan haiwan, tiada lagi dibenarkan bagi kegunaan manusia. Jadi, tak perlu politikkan perkara ini kerana siapa yang akan tanggung kesannya jika ia diluluskan tanpa kajian mencukupi?

"Hakikatnya, pakar pelbagai bidang masih berbeza pendapat berhubung keberkesanan Ivermectin terhadap pesakit COVID-19, termasuk Pentadbiran Makanan dan Ubat-Ubatan (FDA) Amerika Syarikat, European Medicines Agency (EMA) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) belum meluluskan penggunaannya untuk tujuan pencegahan dan rawatan kecuali untuk tujuan klinikal.

"Persoalannya, desakan Ahli Parlimen yang mahu guna Ivermectin ini atas kajian dan pandangan siapa? Jangan panik dan tunggulah keputusan NPRA," katanya kepada *BH*, semalam.

Beliau mengulas tindakan beberapa Ahli Parlimen pembangkang di Dewan Rakyat semalam, yang mendesak Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba supaya menggunakan kuasanya untuk meluluskan penggunaan Ivermectin untuk pesakit COVID-19, sebelum kajian klinikal mengenainya selesai.

Ketika ini, Kementerian Kesihatan (KKM) sedang menjalankan kajian klinikal penggunaan ubat Ivermectin bagi merawat pesakit COVID-19 di 18 hospital kerajaan dan keputusannya dijangka diketahui pada September ini.

Pakar farmasi daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Madya Dr Ernieda Md Hatah, berkata penggunaan Ivermectin secara melulu boleh menyebabkan pesakit berdepan kesan sampingan serius.

"Ubat Ivermectin ada kesan sampingan serius jika terlebih dos, seperti pendarahan pada mata, hilang penglihatan, sesak nafas, tidak boleh mengawal kencing, diarea, kekeliruan, sawan, koma dan kerosakan pada hati, selain kesan ringan seperti muntah dan ruam," katanya.

Ernieda berkata, setakat ini, hanya ada enam kajian berwibawa berkaitan keberkesanan Ivermectin bagi menghalang kematian dalam kalangan pesakit COVID-19, namun semua enam kajian itu tidak menunjukkan ia berkesan dalam mencegah kematian.

**Terkini COVID-19** 12,373 Pulih, dibenar keluar hospital, semalam | 17,405 Kes baharu disahkan, semalam | 8,551 Jumlah kematian dicatat | 1,061,476 Jumlah kes disahkan positif | 175,113 kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

# Pemberian vaksin harian terus meningkat

**Kuala Lumpur:** Jumlah pemberian vaksin harian di negara ini, terus mencatat lonjakan dengan merekodkan sejumlah 553,871 dos kelmarin, iaitu agihan tertinggi sejak Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) bermula 24 Februari lalu.

Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) melaporkan, daripada 553,871 dos yang disuntik itu, 238,518 dos atau 43 peratus adalah kepada penerima di Lembah Klang.

Hasil pelaksanaan Operasi Lonjakan Kapasiti di Lembah Klang sejak 21 Julai lalu, sejumlah 82.9 peratus populasi dewasa dalam kawasan berkenaan sudah menerima dos pertama dan 29.7 peratus menerima dos kedua.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata hasil kejayaan suntikan kelmarin, menjadikan jumlah keseluruhan vaksin COVID-19 sudah diberikan di negara ini kepada 18,393,347 dos, merangkumi lebih 12.4 juta dos pertama dan 5.9 juta dos kedua.

Daripada jumlah itu, 38.2 peratus populasi Malaysia sudah menerima dos pertama vaksin COVID-19 dan 18.1 peratus sudah lengkap divaksin.

Secara purata mengikut negeri dan wilayah, populasi dewasa yang menerima dos lengkap vaksin COVID-19 didahului Labuan dengan 77.7 peratus, disusuli Sarawak (58.6 peratus), Perlis (39.1 peratus), Lembah Klang (29.7 peratus), Negeri Sembilan (26.7 peratus) dan Melaka (23.9 peratus).

Penjejak vaksin Bloomberg menganggarkan Malaysia perlu menyuntik 438,179 dos sehari untuk memastikan 75 peratus populasi negara menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin menjelang 30 September depan.

"Jumlah pemberian vaksin COVID-19 sehingga 27 Julai ialah 18,393,347 dos, dengan 553,871 dos semalam (kelmarin), iaitu yang tertinggi setakat ini.

"Jumlah individu yang menerima dos pertama ialah 12,487,441 orang, manakala 5,905,906 orang telah menerima dos kedua," kata Dr Adham menerusi Twitter, semalam.

Lonjakan kadar pemberian vaksin harian itu membolehkan Malaysia mendahului beberapa negara maju bagi jumlah penerima sekurang-kurangnya dos pertama vaksin COVID-19 berbanding populasi negara.

Penasihat Khas (Teknologi) Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, Dimishtra Steven Sittampalam, berkata jumlah penerima dos pertama di Malaysia yang mencecah 38.2 peratus, kini mendahului Jepun, Korea Selatan dan Australia sejak beberapa hari lalu.

Statistik *Our World in Data* yang dikongsikan Dimishtra di Twitter menunjukkan Jepun di tangga kedua dengan 37.1 peratus, disusuli Korea Selatan (34.2 peratus), Australia (31.2 peratus), Thailand (17.6 peratus) dan Indonesia (16.6 peratus).

Data berkenaan juga menunjukkan jumlah pemberian dos pertama Malaysia mendahului purata pemberian dos pertama di Asia (27.5 peratus) dan dunia (27.5 peratus).

"Sejumlah 1,075,794 dos diberikan hanya dalam tempoh dua hari. Ia bermakna lebih tiga daripada setiap 100 individu hadir ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) untuk menerima vaksin," katanya.

Sementara itu, Khairy yang juga Menteri Penyelaras PICK, berkata berdasarkan populasi dewasa, sebanyak 53.3 peratus menerima sekurang-kurang satu dos, manakala 25.2 peratus populasi menerima dos lengkap.

Pada sesi Penerangan Menteri, Mesyuarat Khas Dewan Rakyat, semalam, beliau berkata, bagi petugas barisan hadapan yang termasuk dalam kumpulan penerima vaksin Fasa 1, sejumlah 695,000 sudah selesai menerima dos lengkap masing-masing.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

Perhimpunan aman doktor kontrak

# Selesai isu cara rundingan berbanding demonstrasi

## Dr Noor Hisham syor pinda Akta Pencen bela kebajikan pegawai perubatan, petugas kontrak

Oleh Latifah Arifin, Faris Fuad dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dalam mencari penyelesaian isu doktor kontrak, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata beliau lebih suka pendekatan rundingan berbanding demonstrasi, lebih-lebih lagi dalam situasi sukar ketika ini dan kawalan pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Dalam usaha itu, beliau berharap, pasukan petugas khas yang dianggotai Kementerian Kesihatan (KKM) dan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) akan melihat keperluan meminda Akta Pencen 1980 demi kebajikan pegawai perubatan dan petugas kesihatan kontrak.

Beliau berkata, pindaan itu penting bagi membolehkan pelantikan ke jawatan tetap dengan pilihan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Beliau meletakkan harapan tinggi, langkah itu dapat dibentangkan di Parlimen, sekali gus memperoleh sokongan demi kebajikan pegawai kontrak.

"Kita berharap pasukan petugas khas yang diketuai MMA dan KKM akan melihat pindaan Akta Pencen untuk perjawatan tetap dengan pilihan KWSP.

"Kita mempunyai harapan tinggi dalam tempoh dua tahun sambungan kontrak yang diberikan kepada semua 23,000 pegawai kontrak sekarang, usaha meminda Akta Pencen ini akan dibentangkan di Parlimen.

"Saya juga percaya semua Ahli Parlimen akan menyokong usaha ini sepenuh hati demi masa depan negara," katanya dalam satu hantaran yang dimuat naik di Facebook, kelmarin.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, untuk sementara waktu, pegawai kontrak masih boleh meneruskan pengajian pada peringkat pendidikan pascasiswazah masing-masing sama ada sarjana atau Program Latihan Kepakaran (Parallel Pathway).

Selepas dua tahun atau kurang dari tempoh berkenaan, beliau berharap mereka akan diserap ke perjawatan tetap di bawah KWSP.

"Ketika kita terus berjuang demi keadaan kerja dan masa depan yang lebih baik demi pegawai kontrak, kita mungkin akan menderita dan terluka dalam menelusuri perjalanan kita.

"Dalam mendekati perkara ini, saya lebih suka penyelesaian secara persahabatan melalui rundingan (yang telah berlangsung dengan pelbagai pihak) berbanding demonstrasi, lebih-lebih lagi pada masa yang sukar ketika ini dan kawalan pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN)," katanya.

Kerajaan baru-baru ini bersetuju pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi lantikan kontrak ditawarkan pelantikan secara kontrak untuk tempoh dua tahun sebagai penyelesaian segera terhadap isu berbangkit.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata ia selepas mereka melengkapkan tempoh khidmat wajib bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan dan persediaan untuk mengikuti pengajian kepakaran.

Kerajaan turut bersetuju melanjutkan pelantikan secara kontrak untuk tempoh maksimum empat tahun ke atas membabitkan pegawai perubatan dan pegawai pergigian yang diterima mengikuti pengajian kepakaran dalam tempoh kontrak dua tahun pertama

Selain itu, Kabinet juga bersetuju pelantikan secara kontrak diuruskan mengikut kesetaraan kerjaya pegawai tetap dan ditawarkan cuti belajar bergaji penuh.

Mereka juga ditawarkan tajaan pengajian yang setara dengan cuti belajar bergaji penuh dan hadiah latihan Persekutuan.

Antara persetujuan lain yang turut dicapai, adalah menambah baik kemudahan atau faedah yang ditawarkan kepada pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi lantikan kontrak seperti cuti tugas khas perubatan, cuti tibi dan kemudahan tambang mengunjungi wilayah asal.

Isu tidak puas hati membabitkan 23,000 doktor kontrak yang sedang berkhidmat ketika ini, mencetuskan demonstrasi aman gerakan hartal pada Isnin lalu di hospital kerajaan di seluruh negara.

> Kita berharap pasukan petugas khas yang diketuai MMA dan KKM akan melihat pindaan Akta Pencen untuk perjawatan tetap dengan pilihan KWSP

*Noor Hisham Abdullah,*
*Ketua Pengarah Kesihatan*




Nasional
'Peserta perhimpunan berhak suara tuntu'

*Laporan BH semalam.*

**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : COVID-19**

# 17,405 kes baharu dengan 143 kematian

**Kuala Lumpur:** Jumlah kes harian positif Covid-19 meningkat kepada 17,405 kes manakala 143 kematian dicatatkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ini menjadikan jumlah kumulatif kes wabak itu di negara ini sebanyak 1,061,476 kes manakala 175,113 kes aktif.

Menurutnya, daripada jumlah kes baharu itu, 17,031 kes (97.9 peratus) membabitkan pesakit kategori satu dan dua manakala 374 kes (2.1 peratus) pesakit kategori tiga hingga lima.

**1,016**
jumlah pesakit dirawat di unit rawatan rapi (ICU)

"Ini berdasarkan keadaan klinikal kes semasa didiagnosa Covid-19. Ada antaranya kekal kategori sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada berubah status kesihatan sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhan, hanya 2,032 kes (11.7 peratus) daripada jumlah kes pada hari ini ada sejarah vaksinasi," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, seramai 1,016 pesakit dirawat di unit rawatan rapi dengan 529 memerlukan alat bantuan pernafasan.

Selain itu, katanya, kes kematian yang dilaporkan membabitkan 123 warganegara dan 20 bukan warganegara.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 41 kes kematian dilaporkan di Selangor, 21 kes di Negeri Sembilan, 17 kes di Johor, 14 kes di Kuala Lumpur, 11 kes di Perak, 10 kes di Kedah, sembilan kes di Sabah dan tujuh kes di Melaka.

"Selain itu, masing-masing lima kes di Pulau Pinang dan Kelantan serta tiga kes di Pahang," katanya.

Beliau berkata, pertambahan kes kematian itu menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian akibat Covid-19 ialah sebanyak 8,551 kes.

Menurutnya, negara turut merekodkan 12,373 kes sembuh semalam sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh sebanyak 877,812 kes atau 82.7 peratus daripada keseluruhan kes.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : COVID-19

# Ubah strategi ke arah mitigasi

*Kadar penularan wabak varian Delta di Lembah Klang terus meningkat setiap hari*

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Angka kes positif yang terus meningkat di Lembah Klang disebabkan penularan wabak Covid-19 jauh lebih besar berbanding jumlah kes positif yang dikesan setiap hari.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Datuk Dr Chong Chee Kheong berkata, ramai individu tanpa gejala tidak menyedari mereka dijangkiti dan boleh menyebarkan virus ini kepada orang lain.

"Perlu diingatkan keberkesanan vaksin mengambil masa dua minggu selepas melengkapkan dos kedua.

"Jadi, vaksin ini memerlukan masa untuk bertindak balas dan melindungi individu berkenaan.

"Selain itu, kemunculan varian Delta dalam komuniti dengan kadar jangkitan lebih tinggi turut menyumbang kepada peningkatan kes ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Chong yang mewakili Pasukan Petugas Khas Lembah Klang (GKVSTF) berkata, berdasarkan data dari negara yang merekodkan kadar vaksinasi tinggi, jangkitan virus masih boleh berlaku disebabkan varian Delta walaupun terdapat pengurangan ketara pesakit yang masuk ke hospital dan pesakit bergejala teruk.

Selain itu, beliau memperincikan langkah utama dilakukan GKVSTF dalam membendung wabak Covid-19 iaitu merangka beberapa langkah strategik bagi mengoptimumkan perkhidmatan perawatan, mengurangkan penularan virus dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada komuniti dan petugas kesihatan.

"Melihat situasi terkini, strategi pengurusan wabak berubah daripada membendung kepada mitigasi dalam usaha mencegah kematian dan meminimumkan penyebaran penyakit.

"Antara inisiatif utama termasuk meningkatkan kapasiti katil, penjagaan unit rawatan rapi (ICU), bekalan oksigen, mobilisasi tenaga kerja dan pembabitan sukarelawan.

"Selain itu, langkah memindahkan pesakit bukan Covid-19 ke hospital swasta juga membantu meningkatkan kapasiti katil di hospital kerajaan dan bantuan tentera dari segi tenaga kerja dan logistik amat dihargai," katanya.

Menurutnya, pihaknya mengukuhkan Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) dengan melaksanakan Virtual CAC kepada individu tidak bergejala dan bergejala ringan serta memperkukuhkan pengurusan pemantauan pesakit di rumah.

> *Perlu diingatkan keberkesanan vaksin mengambil masa dua minggu selepas melengkapkan dos kedua.*
>
> **Dr Chong**

"Selain itu, kami menawarkan lebih banyak ujian Antigen Rapid Test Kit (RTK-Ag) di klinik kesihatan dan kepada pengamal perubatan am melalui penjualan kit ujian kendiri yang diluluskan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) bagi membolehkan lebih banyak ujian dijalankan.

"Kit ujian kendiri yang menggunakan air liur juga boleh didapati di farmasi bagi membolehkan orang ramai melakukan ujian sendiri di rumah," katanya.

Dr Chong berkata, selain itu, pihaknya meningkatkan sokongan kepada barisan hadapan di hospital dan fasiliti kesihatan serta memperkukuhkan sistem sokongan sosial dan emosi untuk orang awam.

"Kami juga mendapatkan dan memperuntukkan sejumlah dana bagi tujuan perolehan peralatan perubatan dan ubat-ubatan tambahan dan kami juga berusaha meningkatkan komunikasi dengan orang awam tentang isu kritikal dan sentiasa mengemas kini maklumat semasa.

"Kakitangan kami di hospital, fasiliti kesihatan dan bahagian pengurusan kini keletihan, tetapi kami tetap di sini untuk anda dan terus bekerja bagi mengatasi krisis ini," katanya.

Menurutnya, GKVSTF juga menjangkakan jumlah kes terus meningkat selama beberapa hari akan datang selepas pihaknya menggalakkan penggunaan ujian kendiri dan RTK-Ag.

"Tetapi jangan khuatir kerana kami cuba sedaya upaya mengesan sebanyak mungkin kes positif bagi mengurangkan penularan wabak dalam komuniti kita.

"Dengan lebih banyak kes positif dan kontak rapat, mereka diasingkan dan dikuarantin, kes mula berkurangan dalam beberapa minggu.

"Jika ini dicapai, strategi ujian Covid-19 dapat disusun semula bagi memastikan pengesanan kes untuk pengasingan dan pemantauan lebih berkesan," katanya.

## Buat persiapan PKRC



**PETUGAS** kesihatan membuat persiapan Pusat Rawatan dan Kuarantin Berisiko Rendah (PKRC) di Dewan Serbaguna Perbadanan Labuan (PL) ketika tinjauan semalam. Dewan ini kembali beroperasi sebagai PKRC dengan kapasiti 130 katil dalam satu-satu masa. Kes baharu Covid-19 semalam melonjak kepada 17,405 kes dalam tempoh 24 jam lepas, tertinggi sejak pandemik melanda negara menjadikan jumlah keseluruhan kes mencecah 1,061,476.

## Tumpu pesakit kes teruk di hospital

**Kuala Lumpur:** Individu yang disahkan positif Covid-19 diminta menjalani pengasingan diri di rumah, membuat notifikasi dan pemantauan kendiri melalui aplikasi MySejahtera.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Datuk Dr Chong Chee Kheong berkata, pengasingan kendiri di tempat kediaman adalah bagi pesakit tidak bergejala dan bergejala ringan yang tidak perlu dimasukkan ke hospital serta boleh sembuh sendiri.

"Kami tidak mahu menyebabkan kesesakan di hospital dengan kes ringan supaya rawatan bagi pesakit lebih teruk diutamakan.

"Kakitangan kesihatan menghubungi mereka yang *red flagged* (bendera merah) sebagai pesakit berisiko tinggi untuk tampil ke Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) atau hospital," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Chong yang mewakili Pasukan Petugas Khas Lembah Klang (GKVSTF) berkata, sekiranya pesakit disahkan positif, mereka perlu maklumkan individu yang mempunyai kontak untuk melakukan pengasingan kendiri 10 hari.

"Ujian tidak perlu dilakukan melainkan mereka bergejala, apa yang penting kekal berada di rumah dan melakukan pemantauan kesihatan kendiri setiap hari.

"Bagi individu yang beranggapan mereka terdedah kepada pesakit positif, tetapi tidak dikenal pasti sebagai kontak rapat adalah digalakkan menjalani ujian saringan di fasiliti kesihatan swasta termasuk melakukan ujian kendiri menggunakan air liur," katanya.

Menurutnya, vaksinasi mengurangkan risiko mendapat jangkitan dan disebabkan itu, semua rakyat Malaysia perlu mendaftarkan diri dan mendapatkan vaksin sebaik sahaja tarikh temu janji diberikan.

"Bagi kontak rapat kepada kes positif, mereka harus menangguhkan tarikh temu janji vaksin untuk sekurang-kurangnya 10 hari.

"Kami memohon masyarakat terus menyokong usaha membendung wabak ini dengan menjadi sukarelawan untuk membantu dalam sistem kesihatan seperti di CAC, fasiliti kesihatan atau hospital.

"Sukarelawan boleh membantu dalam meningkatkan sistem sokongan sosial dan emosi kepada orang ramai," katanya.

## Kadar vaksinasi harian tertinggi 553,871

**Kuala Lumpur:** Malaysia mencatatkan kadar vaksinasi harian tertinggi kelmarin iaitu 553,871 dos di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick).

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, daripada jumlah itu, 356,112 adalah dos pertama manakala 196,759 dos kedua.

"Ia menjadikan jumlah kumulatif rakyat Malaysia menerima vaksin meningkat kepada 18,393,347.

"Daripada jumlah itu, 12,487,441 adalah penerima dos pertama atau 38.2 peratus daripada populasi negara.

"Manakala penerima yang lengkap dos kedua adalah 5,905,906 bersamaan 18.1 peratus," katanya menerusi Twitter rasminya, semalam.

Menurutnya, dalam masa sama, 53.3 peratus golongan dewasa di negara ini menerima sekurang-kurangnya dos pertama manakala 25.2 peratus lengkap menerima dua dos.

"Selangor dan Kuala Lumpur kekal negeri mencatatkan pemberian vaksin tertinggi iaitu 5,112,057 bagi dos pertama dan 1,831,585 untuk dos kedua.

"Ini diikuti Sarawak 1,678,014 dos pertama dan 1,197,746 bagi dos kedua," katanya.

Beliau berkata, negeri lain mencatatkan kadar pemberian vaksin di bawah satu juta bagi dos pertama dan di bawah 400,000 untuk dos kedua.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : COVID-19

# MENINGKAT 50 PERATUS

## *Katil klinikal di PKRC Kelantan dipenuhi golongan berusia 40 tahun ke bawah*

**Oleh Hidayatidayu Razali**
am@hmetro.com.my

**Kota Bharu**

Golongan muda yang menggunakan katil klinikal di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Kelantan semakin meningkat sejak dua bulan lalu.

Pengarah PKRC Kelantan, Dr Mohd Zurairie Mohd Zubir berkata, kemasukan golongan berusia 40 tahun ke bawah itu dilihat meningkat lebih 50 peratus.

Katanya, penggunaan katil klinikal yang berjumlah sebanyak 70 buah di dua PKRC iaitu di Gelanggang Seni dan Tanjung Chat ini dipenuhi golongan muda.

"Kita lihat trend kemasukan pesakit golongan muda bagi kategori tiga dan empat meningkat. Mereka ini memerlukan katil klinikal untuk mendapatkan rawatan selanjutnya.

"Berbanding sebelum ini, kita dapati katil klinikal dipenuhi golongan warga emas dan yang berusia melebihi 50 tahun ke atas.

"Namun, sejak dua bulan lalu golongan warga emas ini semakin kurang menggunakan katil klinikal di PKRC di negeri ini iaitu di bawah kadar 50 peratus berikutan keberkesanan vaksin Covid-19 terhadap mereka," katanya.



DR Mohd Zurairie memeriksa ambulans untuk pengangkutan pesakit Covid-19 di pekarangan pejabat PBSM di Kota Bharu. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas membuat tinjauan di Unit Pengangkutan Covid-19 di Pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Dr Mohd Zurairie berkata, majoriti warga emas di negeri ini sudah divaksin, jadi mereka kurang terdedah kepada jangkitan Covid-19 terutama bagi kategori tiga dan empat.

> "Trend kemasukan pesakit golongan muda bagi kategori tiga dan empat meningkat
> Dr Mohd Zurairie

Pada perkembangan yang lain beliau berkata, pengangkutan bagi pesakit Covid-19 di negeri ini tidak mencukupi susulan peningkatan kes setiap hari.

"Kita bersyukur kerana mendapat bantuan daripada pihak kerajaan termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, badan bukan kerajaan (NGO) dan ambulans swasta serta pacuan empat roda termasuk daripada St John dan Persatuan Bulan Sabit Merah," katanya.

**AKHBAR** : KOSMO
**MUKA SURAT** : MUKA DEPAN
**RUANGAN** : NEGARA



PETUGAS pengurusan jenazah melakukan disinfeksi di Tanah Perkuburan Islam Selat Klang, Selangor sebelum pulang ke rumah bertemu keluarga semalam. – ZULFADHLI ZAKI

*Frontliner* bimbang keluarga terdedah risiko dijangkiti Covid-19

# Risau anak bini belum divaksin

PETUGAS barisan hadapan yang telah melengkapkan dua dos suntikan vaksin Covid-19 merayu agar kerajaan memberi keutamaan dalam pemberian suntikan kepada keluarga mereka yang masih menunggu tarikh janji temu umpama 'menanti buah yang tidak gugur'.

*Frontliner* terdiri daripada anggota polis, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan petugas kesihatan itu mengakui mereka amat risau tentang keselamatan isteri, suami dan anak-anak yang terdedah dengan jangkitan Covid-19 yang virus itu mungkin mereka telah bawa pulang ke rumah.

Keadaan itu menyebabkan terdapat *frontliner* yang tidak balik ke rumah buat sementara waktu selain terpaksa mandi di pejabat dan melakukan sanitasi sebelum bertemu keluarga.

» LAPORAN PENUH DI MUKA 2

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Oleh SHARKAWI LONDING, SYALMIZI HAMID, NOOR HASLIZA NUSI, OTHMAN YAHAYA, NIK NUR IZZATUL HAZWANI NIK ADNAN dan ROHANA MOHD. NAWI

Petugas barisan hadapan mahu keluarga segera divaksinasi elak dijangkiti virus

# 'Kami takut terbawa pulang Covid-19'



PETUGAS barisan hadapan merayu kerajaan agar memberi keutamaan kepada keluarga mereka dalam pemberian suntikan vaksin Covid-19. – GAMBAR HIASAN

**PETALING JAYA** – Rata-rata petugas barisan hadapan telah melengkapkan dua dos suntikan vaksin Covid-19, namun masih terdapat ahli keluarga mereka yang belum menerima suntikan.

Ia menyebabkan *frontliner* ini risau akan keselamatan isteri, suami dan anak-anak mereka terdedah kepada jangkitan Covid-19 melalui virus yang mungkin mereka bawa pulang ke rumah.

Rakyat pula melihatkan situasi itu bagaikan 'kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan' apabila pemberian suntikan vaksin ketika ini diberikan kepada pekerja-pekerja asing secara besar-besaran.

Malah, sebanyak 14 juta dos vaksin Sinovac akan dijual kepada syarikat swasta serta negeri yang berminat mulai bulan ini sehingga September depan.

**Di George Town**, segelintir jururawat yang bertugas di hospital-hospital di Pulau Pinang mendedahkan, terdapat ahli keluarga mereka yang belum menerima suntikan sekurang-kurangnya untuk dos pertama.

Seorang jururawat yang hanya mahu dikenali sebagai Siti, 32, berkata, dia yang telah melengkapkan dua dos suntikan tinggal bersama suami dan seorang anak lelaki berusia enam tahun.

"Saya harap suami akan segera divaksin kerana pekerjaan saya bertemu ramai pesakit setiap hari amat berisiko," katanya.

Seorang anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela), Mohd. Ramle Noor, 53, yang bertugas di Pusat Pemberian Vaksin pula berkata, perkara yang paling membimbangkannya apabila isteri, Asrid Hidayat, 47, masih menunggu giliran untuk divaksinasi.

"Saya bimbang jika terbawa pulang virus ini dan menjangkiti isteri," ujarnya.

**Di Sungai Petani**, anggota Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Daerah Kuala Muda, Sarjan (PA) Y. Visvanathan, 44, berkata, dia juga bimbangkan keselamatan isterinya, K. Silvia, 27 kerana belum disuntik vaksin.

"Saya terpaksa 'lari' dahulu ke pejabat untuk mandi sebelum pulang. Di rumah, saya sekali lagi mandi sebelum berjumpa isteri dan seorang anak kecil.

"Isteri saya telah mendaftar dalam aplikasi MySejahtera, tetapi masih belum mendapat janji temu," katanya.

Seorang kakitangan Hospital Sultan Abdul Halim yang mahu dikenali sebagai Hashim, 49, pula berkata, dia bertugas di bahagian kecemasan hospital itu dan risiko untuk dijangkiti Covid-19 adalah tinggi.

Katanya, dia telah menerima vaksin, namun isterinya berusia 48 tahun serta empat anak berusia antara 9 hingga 21 tahun pula belum divaksinasi.

"Saya perlu mandi dan menukar pakaian terlebih dahulu serta berehat di luar rumah selama kira-kira sejam sebelum boleh bertemu mereka," katanya.

**Di Kota Tinggi**, seorang koperal dari sebuah balai polis yang mahu dikenali sebagai Azlan, 34, berkata, ahli keluarga terutamanya isteri dan anak-anak berdepan risiko jangkitan Covid-19.

Kata Azlan, isterinya sudah mendaftar vaksin sejak Februari lalu, tetapi sampai sekarang belum ada janji temu.

"Kami bertugas di sekatan jalan raya (SJR), membuat rondaan dan tangkapan, jadi kita tak tahu status kesihatan suspek yang ditahan," ujarnya.

Seorang lagi anggota dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor, Sarjan Mohd. Ridzuan, 33, juga meluahkan kerisauan yang sama.

"Kami bukannya nak *demand*, tetapi ini berkaitan isu keselamatan keluarga.

"Sebagai langkah berjaga-jaga, ramai kalangan anggota membeli peralatan sanitasi bagi membasmi kuman. Kos pembelian antara RM70 hingga RM120.

"Hari-hari keluarga berisiko dijangkiti Covid-19, kalau sudah lengkap vaksin, sekurang-kurang ada pelindung diri," katanya.

**Di Kota Bharu**, seorang koperal, Daud Samat, 57, yang bertugas di Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Mas berkata, dia merupakan antara anggota yang bertugas di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 serta mengiringi tahanan atau jenazah Covid-19.

Katanya, lebih merunsingkan dirinya ketika pulang ke rumah adalah isteri, Junsarah Deraman, 51, dan seorang daripada dua anaknya yang belum menerima panggilan suntikan vaksin.

"Tugas harian saya bergelumang dengan tahanan dan menjadi pengiring jenazah Covid-19 ke tanah perkuburan setiap hari.

"Jika tak jaga prosedur operasi standard, kemungkinan besar virus itu akan menjangkiti saya dan seterusnya keluarga di rumah," katanya.

# Sanggup berkorban tidak balik rumah demi isteri hamil



RAMIZAN melakukan pemeriksaan terhadap pengguna jalan raya di SJR Bandar Baru Cheneh, Kemaman baru-baru ini.

**KEMAMAN** – Demi keselamatan keluarga, seorang pegawai polis sanggup tidak pulang ke rumahnya sejak hari pertama Aidiladha baru-baru ini selepas ditugaskan menjaga kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan di Mukim Bandi dekat sini.

Ketua Polis Balai Chukai, Inspektor Ramizan Ramli berkata, dia terpaksa menahan kerinduan terhadap isteri, Nour Aleesa Abdullah, 32, dan anaknya kerana bimbang keluarganya terdedah dengan jangkitan Covid-19.

Katanya, beliau hanya dapat melepaskan kerinduan terhadap isteri dan anaknya menerusi panggilan video.

"Isteri saya sedang hamil lima bulan anak kedua kami, lagipun saya mempunyai anak kecil berusia setahun enam bulan.

"Saya ambil keputusan untuk tidak pulang ke rumah buat sementara kerana bimbang dijangkiti Covid-19 dan keluarga pula akan terdedah," katanya di sekatan jalan raya (SJR) Bandar Cheneh Baru di sini semalam.

Ramizan berkata, apa yang lebih membimbangkan, isterinya yang sedang hamil masih belum menerima suntikan vaksin.

"Saya telah menerima vaksin, tetapi bimbang jika berlaku apa-apa yang tak diingini terhadap kandungan isteri," katanya.

Ramizan berkata, meskipun PKPD Mukim Bandi berkuat kuasa mulai hari kedua Aidiladha, dia mengambil keputusan tidak pulang ke rumah kerana bertugas menguruskan mayat seorang lelaki yang memakai gelang kuarantin.

"Sewaktu uruskan mayat itu, saya memakai memakai pakaian perlindungan diri dan keputusan lelaki itu positif Covid-19 diketahui keesokan harinya.

"Walaupun memakai PPE, rasa bimbang tetap ada," katanya yang tinggal sementara di pejabat atau khemah SJR.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Catatan baharu 17,405 jangkitan harian, 143 lagi kematian dicatatkan

# Kes harian, sembuh tertinggi direkod

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Kes harian kembali melonjak serta merekodkan angka melebihi 17,000 dengan 17,405 kes semalam, sekali gus tertinggi dilaporkan menjadikan jumlah kes positif Covid-19 mencecah 1,061,476 kes.

Sebelum ini, kes harian pernah melepasi angka tersebut pada 25 Julai lalu iaitu sebanyak 17,045 kes, selain melebihi angka 16,000 iaitu 16,117 kes kelmarin.

Pesakit yang sedang dirawat dan diasingkan terus meningkat setiap hari dengan 175,113 kes semalam termasuk 1,016 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 529 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Kes sembuh turut mencatatkan angka tertinggi melebihi 12,000 dengan 12,373 kes, menjadikan jumlah pesakit pulih sebanyak 877,812 kes.

Terdapat 143 kes kematian termasuk 20 warga asing terdiri daripada 94 lelaki dan 49 wanita dengan 14 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, tiga negeri kekal merekodkan kes empat digit iaitu Selangor sebanyak 7,171 kes, diikuti Kuala Lumpur (2,880 kes) dan Kedah (1,112 kes), manakala negeri lain ada pertambahan kes.

Menurutnya, daripada jumlah kes harian semalam, sebanyak 374 kes (2.1 peratus) kategori tiga, empat dan lima serta sebanyak 17,031 kes (97.9 peratus) terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Ini adalah berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baharu didiagnosis Covid-19. Ada antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga berubah status kesihatan sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi.

"Secara keseluruhan, hanya 2,032 kes (11.7 peratus) daripada jumlah kes pada hari ini (semalam) mempunyai sejarah vaksinasi," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.



SEBAHAGIAN petugas sukarelawan mengusung jenazah Covid-19 untuk dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Raudhatul Sakinah, Bukit Kiara 1, Kuala Lumpur semalam. – SHIDDIEQIIN ZON

Berdasarkan lampiran status vaksinasi Covid-19 semalam, sebanyak 159 kes kategori satu dengan lima daripadanya mempunyai sejarah vaksinasi (3.1 peratus) dan 154 kes (96.9 peratus) pula tiada sejarah vaksinasi.

Sebanyak 95 kes kategori dua iaitu sembilan kes (9.5 peratus) ada sejarah vaksinasi dan 86 kes (90.5 peratus) tiada sejarah vaksinasi, manakala kategori tiga merekodkan 120 kes dengan 35 kes (29.2 peratus) ada sejarah vaksinasi dan 85 kes (70.8 peratus) tiada sejarah vaksinasi.

Kategori empat sebanyak 7,912 kes iaitu 1,489 kes (18.8 peratus) ada sejarah vaksinasi dan 6,423 kes (81.2 peratus) tiada sejarah vaksinasi, manakala 9,119 kes kategori lima dengan 494 kes (5.4 peratus) ada sejarah vaksinasi dan 8,625 kes (94.6 peratus) tiada sejarah vaksinasi.

**COVID-19**

**Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu: | 17,405 |
| Import: | 6 |
| Tempatan: | 17,399 |
| Pulih | 12,373 |
| Kematian | 143 |
| Masih dirawat | 175,113 |
| Jumlah kes sembuh | 877,812 |
| Jumlah Kematian | 8,551 |
| Jumlah kes keseluruhan | 1,061,476 |

# Empat lagi kluster raya dikesan

**PUTRAJAYA** – Empat kluster komuniti melibatkan aktiviti ziarah raya dan rentas negeri dikesan di tiga negeri Pantai Timur dan Kedah.

Kluster tersebut ialah Kluster Kampung Hujung Repek Melawi di Bachok (enam kes); Kluster Taman Puteri Pulong di Kota Bharu, Machang dan Hulu Terengganu (10 kes); Kluster Simpang Cheneras di Lipis (16 kes) dan Kluster Dah Kampung Pong di Padang Terap (17 kes).

Lampiran rumusan kluster yang disertakan dengan kenyataan Ketua Pengarah Kesihatan menyebut, kes indeks Kampung Hujung Repek Melawi mempunyai sejarah merentas negeri dari Selangor ke Kelantan pada 19 Julai lalu.

"Kluster tersebut melibatkan aktiviti ziarah-menziarahi di Kampung Hujung Repek, Melawi, Bachok sempena perayaan.

"Kes indeks bagi kluster ini merupakan perempuan berusia 22 tahun yang dilaporkan positif pada 25 Julai hasil saringan rentas negeri," katanya semalam.

Kluster Taman Puteri Pulong juga melibatkan individu-individu yang menghadiri sebuah majlis sambutan perayaan dan penularan kes-kes dilaporkan berlaku di Taman Puteri Pulong, Kubang Kerian, Kota Bharu.



ORANG ramai meletakkan barang keperluan untuk ahli keluarga di tempat yang dikhaskan berikutan Taman Chembong Utama, Rembau dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). – IZZAT TERMIZIE

Bahkan kes indeks bagi kluster tersebut mempunyai sejarah merentas negeri dari Terengganu ke Kelantan pada 16 Julai lalu.

"Kes indeks merupakan lelaki berusia 36 tahun yang dilaporkan positif Covid-19 pada 24 Julai hasil saringan individu bergejala selepas mengalami gejala sejak 11 Julai lalu," katanya.

Selain itu, Kluster Dah Kampung Pong melibatkan individu-individu yang mengadakan sambutan perayaan di Kampung Pong Utara, Kuala Nerang.

Kes indeks ialah seorang wanita berusia 60 tahun yang dilaporkan positif pada 21 Julai hasil saringan individu bergejala.

Sementara itu, Kluster Simpang Cheneras berpunca penularan yang dilaporkan berlaku di Taman Cheneras Jaya, Lipis.

"Kes indeks bagi kluster ini mempunyai sejarah merentas negeri dari Selangor ke Pahang pada 21 Julai lalu.

"Mangsa ialah seorang lelaki berusia 32 tahun yang dilaporkan positif Covid-19 pada 26 Julai lalu hasil saringan individu bergejala," katanya.

Empat kluster itu antara 41 kluster baharu terdiri daripada 22 kluster tempat kerja, 16 kluster komuniti, dua kluster pusat tahanan dan satu kluster pendidikan lain.

# Kes diunjurkan terus naik minggu ini

**PUTRAJAYA** – Kementerian Kesihatan (KKM) mengunjurkan kes Covid-19 akan terus naik untuk beberapa hari sebelum trend itu dijangka berkurangan dalam beberapa minggu lagi.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Chong Chee Kheong berkata, ia susulan langkah aktif pengesanan kontak rapat sebanyak mungkin dan proses ketat kuarantin selain strategi saringan wabak disusun semula agar lebih efektif.

"Ramai tidak mengalami gejala dan tidak menyedari mereka telah dijangkiti serta boleh sebar virus kepada orang lain walaupun kadar vaksinasi ditingkatkan.

"Strategi pengurusan wabak juga sudah berubah daripada sekadar membendung kepada mitigasi dalam usaha pencegahan kematian dan meminimumkan penyebaran kes," katanya dalam kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, Chee Kheong berkata, peningkatan kes kebelakangan ini disebabkan tahap keberkesanan vaksin bertindak balas mengambil masa dua minggu selepas lengkap dua dos.

"Kemunculan varian Delta dalam komuniti dengan banyak kes juga menyumbang lonjakan kes dan ini turut dialami banyak negara meskipun merekodkan kadar vaksinasi tinggi," katanya.

Beliau berkata, Pasukan Bertindak Khas Greater Lembah Klang sudah merangka beberapa inisiatif mengekang penularan luas kes Covid-19 dan meminimumkan penyebaran wabak.

Menurutnya, enam inisiatif utama sudah dibuat antaranya meningkatkan kapasiti katil, penjagaan unit rawatan rapi (ICU), bekalan oksigen, mobilisasi tenaga kerja dan sukarelawan selain bantuan pihak tentera.

Selain itu, jelasnya, langkah pemindahan pesakit bukan Covid-19 ke hospital swasta turut dilakukan, malah Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) secara maya bagi pesakit tiada simptom atau hanya gejala ringan.

Sekiranya disahkan positif, beliau menasihatkan mereka yang tiada gejala atau simptom ringan menjalani isolasi di rumah dengan pemantauan kendiri melalui aplikasi MySejahtera.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Setakat semalam negara merekodkan penularan 419 kes VOC dan 20 kes VOI

# Sebanyak 10 kes varian Delta dikesan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Sebanyak 10 lagi kes varian baharu virus SARS-CoV-2 dikesan kesemuanya melibatkan varian Delta (India) (*sublineage* B.1.617.2) menerusi kajian berterusan oleh Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dari 22 Julai sehingga semalam.

Menurut maklumat yang dikongsi oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah, kes baharu tersebut dikesan di Melaka (tiga kes), Kedah dan Johor (masing-masing dua kes) serta Terengganu, Perlis dan Selangor (masing-masing satu kes).

"Ini menjadikan jumlah kumulatif kes dijangkiti oleh virus SARS-CoV-2 dikategorikan sebagai *Variant of Concern* (VOC) dan *Variant of Interest* (VOI) adalah sebanyak 439 kes.

"Daripada jumlah yang dikesan tersebut, 419 kes adalah VOC, manakala 20 kes adalah *Variant of Interest* (VOI)," katanya dalam kenyataan di Facebook beliau semalam.

Beliau berkata, secara keseluruhan, sehingga kini, bagi VOC terdapat sebanyak 206 kes varian Beta (Afrika Selatan) 199 kes varian Delta dan 14 kes varian Alpha (United Kingdom), manakala bagi VOI pula terdapat 13 kes varian Theta (Filipina), empat kes varian Kappa (India) dan tiga kes varian Eta (Nigeria).

Memetik kenyataan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba pada 23 Julai lalu, beliau berkata, sebuah konsortium ditubuhkan kerajaan bagi menjalankan usaha penjujukan semua genom sindrom pernafasan akut teruk virus korona kedua (SARS-CoV-2).


PENDUDUK menjalani ujian saringan Covid-19 di Perkampungan Portugis, Ujong Pasir, Melaka baru-baru ini. – RASUL AZLI SAMAD

Beliau berkata, konsortium melibatkan Kementerian Kesihatan, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pengajian Tinggi dengan disertai tujuh institusi awam yang berkaitan itu akan mengkaji 3,000 sampel dalam masa tiga bulan bermula bulan depan membabitkan peruntukan sebanyak RM3 juta.

Gelombang ketiga kes pandemik Covid-19 di negara ini didapati meningkat susulan pertambahan penularan varian membimbangkan (VOC) sejak awal tahun ini.

Jangkitan VOC tidak pernah didokumentasi pada tahun lalu, namun mulai Januari lalu, semua varian mutasi dari luar negara itu direkodkan mendominasi kes tempatan penularan Covid-19.

# Penduduk bersyukur CAC Taman Sri Andalas akhirnya dipindah

**KLANG** – Perjuangan penduduk di Taman Sri Andalas, di sini berhubung pemindahan Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di Dewan Serbaguna Majlis Perbandaran Klang akhirnya berjaya apabila CAC itu akan dipindahkan ke Pelabuhan Klang.


PENDUDUK menzahirkan kesyukuran selepas CAC di Taman Sri Andalas, Klang akan dipindahkan ke Pelabuhan Klang esok.

CAC akan beroperasi di lokasi baharu tersebut esok selepas Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) mendengar bantahan mereka.

Seorang penduduk, Datuk Hamzah Umar berkata, dia bersyukur dengan pemindahan itu susulan CAC itu menimbulkan kegusaran masyarakat sekitar terhadap jangkitan Covid-19.

Tambahan, katanya, jarak CAC di dewan berkenaan sebelum ini hanya 100 meter daripada kediaman penduduk.

"Penduduk di sini sudah lama bimbang sejak CAC diwujudkan di sini pada 12 Julai lalu. Pengumuman PKD itu amat dinantikan dan memberikan kelegaan kepada semua penduduk sekitar taman ini," katanya ketika ditemui semalam.

*Kosmo!* sebelum ini melaporkan pembukaan Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di Dewan Sukan Taman Sri Andalas, di sini mendapat bantahan daripada 1,500 penduduk setempat.

Bagi peniaga restoran, Shahrin M. Tamin, pemindahan CAC itu adalah berita gembira dan berharap pihak berkuasa akan meminta pandangan penduduk setempat sekiranya berhasrat mewujudkan CAC di mana-mana kawasan perumahan selepas ini.


CAC Andalas pindah seminggu lagi

KERATAN *Kosmo!* 27 Julai 2021.

"Kita bimbang jika benar virus tersebut bersifat sporadik sudah pasti ia mampu menjangkiti sesiapa sahaja di pusat komersial ini," jelasnya.

Sementara itu, Pengerusi Surau An Naim Taman Sri Andalas, Saijan Sikon menegaskan, ini akan membolehkan penduduk hidup seperti biasa semula tanpa perlu bimbang sehingga menutup tingkap dan pintu rumah mereka.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Kandis, Mohd. Zawawi Ahmad Mughni berkata, pemindahan CAC ke Pelabuhan Klang itu dilakukan susulan desakan oleh penduduk yang bimbang dengan penularan Covid-19.

"Pemindahan ini mengambil masa kerana pihak PKD inginkan tempat lebih besar.

"Dewan serbaguna tersebut ada enam gelanggang badminton dan hanya lokasi di Pelabuhan Klang mempunyai keluasan berkenaan," katanya.

# 11 PKRC di Kelantan sudah hampir penuh

**KOTA BHARU** – Dianggarkan hampir 98 peratus kapasiti katil di 11 Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di Kelantan sudah digunakan susulan peningkatan mendadak kes Covid-19 ketika ini.

Pengarah PKRC Kelantan, Dr. Mohd. Zurairie Mohd. Zubir berkata, ini kerana, beberapa kluster baharu dilaporkan selepas sambutan Aidiladha minggu lalu sehingga kes melonjak antara 300 hingga lebih 500 sehari berbanding 150 kes sebelumnya.

Katanya, PKRC Pusat Tarbiah Islam Kelantan (Putik) Pengkalan Chepa dan Dewan Jubli Perak, Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) di sini merupakan dua pusat kuarantin yang kritikal jumlah penggunaan katil hampir 98 peratus.

"Seramai 298 pesakit ditempatkan di Putik berbanding kapasiti asal iaitu 300 orang, manakala Dewan Jubli Perak pula sudah ada 201 pesakit berbanding kapasiti 210 orang.

"Secara keseluruhan, penggunaan katil di 11 PKRC setakat ini mencapai 80 hingga 98 peratus," katanya ketika ditemui selepas mengadakan tinjauan di Unit Pengangkutan Covid-19 PKRC Kota Bharu, di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr. Mohd. Zurairie berkata, pihaknya akan membuka semula PKRC ke-12 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Salor, di sini esok selain merancang membuka sebuah lagi PKRC di luar Kota Bharu dalam masa terdekat.



DR. MOHD. ZURAIRIE memeriksa ambulans Persatuan Bulan Sabit Merah yang digunakan untuk mengangkut pesakit Covid-19 di Unit Pengangkutan Covid-19 PKRC Kota Bharu semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Kes positif diramal terus meningkat

Kes harian Covid-19 akan melambung ke paras tertinggi hasil pengesanan di Greater Klang Valley

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Jumlah kes harian positif Covid-19 dijangka terus melambung ke paras tertinggi dalam masa terdekat.

LAPORAN MUKA DEPAN

Ia susulan Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley (GKV STF) sedang berusaha mengesan sebanyak mungkin kes positif Covid-19 di Lembah Klang.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Pengerusinya, Datuk Dr Chong Chee Kheong berkata, tindakan itu bagi mengurangkan penularan wabak dalam komuniti.



DR CHEE KHEONG

"Jika anda berada di Greater Klang Valley dan mengalami gejala Covid-19, anda perlu menganggap bahawa diri anda berkemungkinan telah dijangkiti dan perlu menjalani ujian saringan," katanya.

Menurutnya, ujian saringan boleh dilakukan menerusi ujian RTK-AG dan kit ujian kendiri yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) dengan menggunakan sampel air liur.

"Selepas disahkan positif, pesakit perlu menjalani isolasi di rumah, membuat notifikasi dan pemantauan kendiri melalui aplikasi MySejahtera," katanya.

Beliau berkata, pengasingan kendiri di kediaman adalah bagi pesakit tidak bergejala dan bergejala ringan yang tidak perlu ke hospital serta boleh sembuh sendiri.

"Kami tidak mahu hospital mengalami kesesakan dengan kes ringan dan akan mengutamakan rawatan terhadap pesakit yang lebih teruk," katanya.

Dr Chee Keong berkata, kakitangan kesihatan akan menghubungi mereka yang red flagged sebagai pesakit berisiko tinggi untuk tampil ke Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) atau hospital.

Ujarnya, dengan lebih banyak kes positif dan kontak rapat dikesan, pesakit akan diasingkan serta dikuarantin seterusnya kes harian mula berkurangan dalam beberapa minggu akan datang.

"Sekiranya langkah ini dapat dicapai, strategi ujian Covid-19 dapat disusun semula bagi memastikan pengesanan kes untuk pengasingan dan pemantauan adalah lebih berkesan," katanya.

FOTO: BERNAMA



GKV STF sedang berusaha mengesan sebanyak mungkin kes positif Covid-19 di kawasan Lembah Klang.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut menyifatkan penularan Covid-19 merupakan krisis terburuk pernah dialami negara melibatkan komuniti dan perkhidmatan kesihatan.

"Namun, kami masih belum berputus asa dan akan kekal tabah untuk melakukan apa yang terbaik.

"Kami juga amat berterima kasih kerana memahami keterbatasan dan atas sokongan kuat yang telah diberikan," kata beliau.

## Individu tanpa gejala sumbang peningkatan kes

VARIAN DELTA

**KUALA LUMPUR** - Kemunculan varian Delta tanpa gejala menyebabkan ramai tidak menyedari telah dijangkiti boleh menyebarkan virus, menyumbang kepada peningkatan kes Covid-19 di Greater Klang Valley.

Komander Pasukan Bertindak Khas GKV, Datuk Dr Chong Chee Kheong menjelaskan, meskipun kadar vaksinasi telah ditingkatkan, keberkesanan vaksin yang mengambil masa dua minggu selepas individu melengkapkan dos kedua menyebabkan jumlah kes harian tetap tinggi pada masa ini.

"Vaksin itu memerlukan masa untuk bertindak balas dan melindungi individu.

"Malah kemunculan varian Delta dalam komuniti yang mempunyai kadar jangkitan lebih tinggi turut menyumbang kepada peningkatan kes.

"Berdasarkan data negara yang merekodkan kadar vaksinasi tinggi, jangkitan virus itu masih boleh berlaku disebabkan varian Delta," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, 10 kes varian baharu SARS-CoV-2 di negara ini dikenal pasti dan kesemuanya adalah varian Delta (B.1.617.2).

Katanya, ia menjadikan jumlah kumulatif kes dijangkiti virus SARS-CoV-2 kategori varian membimbangkan (VOC) dan varian berkepentingan (VOI) sebanyak 439 kes.

FOTO: BERNAMA



Varian Delta tanpa gejala menyebabkan ramai tidak menyedari telah dijangkiti Covid-19 sekali gus menyebarkan virus tersebut kepada orang lain.

**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT**

# Covid-19 meningkat kepada 17,405 kes

Rekod tersebut didominasi pesakit kategori satu dan dua dengan 17,031 kes

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kes baharu Covid-19 di negara ini terus melonjak apabila sebanyak 17,405 kes direkodkan pada Rabu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah tersebut, sebanyak 374 kes adalah daripada kategori tiga, empat dan lima, manakala kategori satu dan dua sebanyak 17,031 kes.

"Ada di antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga yang berubah status kesihatan sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih tinggi," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Dr Noor Hisham berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif pada Rabu ialah sebanyak 1,061,476 kes.

Menurutnya, Selangor melaporkan sebanyak 7,171 kes, diikuti Kuala Lumpur (2,880), Kedah (1,112), Sabah (913), Negeri Sembilan (863), Johor (767), Pulau Pinang (760), Kelantan (532), Melaka (531), Terengganu (490), Sarawak (464), Pahang (429), Perak (406), Putrajaya (68), Labuan (16) dan Perlis (dua).

"Secara keseluruhan, hanya 2,032 kes daripada jumlah kes pada hari ini mempunyai sejarah vaksinasi Covid-19," jelasnya.

Beliau berkata, terdapat sebanyak 175,113 kes aktif di seluruh negara dan 1,016 pesakit sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Seramai 529 kes memerlukan bantuan pernafasan," ujar beliau.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 143 kes kematian direkodkan membabitkan seramai 123 rakyat tempatan dan 20 warga asing.



DR NOOR HISHAM

Katanya, kes kematian pada Rabu melibatkan 41 kes di Selangor, diikuti Negeri Sembilan (21), Johor (17), Kuala Lumpur (14), Perak (11), Kedah (10), Sabah (sembilan), Melaka (tujuh), Pulau Pinang (lima) Kelantan (lima) dan Pahang (tiga).

"Berdasarkan data yang dikeluarkan, sebanyak 14 kes kematian adalah jenazah dibawa ke hospital (BID), manakala 129 lagi menghembuskan nafas terakhir di fasiliti kesihatan.

"Jumlah keseluruhan kes kematian adalah 8,551 kes," kata Dr Noor Hisham.

Sementara itu, beliau berkata, negara terus mencatat kes sembuh tertinggi selama dua hari berturut-turut dengan pertambahan sebanyak 12,373 kes.

"Jumlah kumulatif kes sembuh ialah sebanyak 877,812 kes bersamaan dengan 82.7 peratus daripada keseluruhan kes," kata beliau.

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

### KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI






**Kategori 1** Tanpa gejala
**Kategori 2** Gejala ringan
**Kategori 3** Jangkitan paru-paru
**Kategori 4** Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
**Kategori 5** Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC




**JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI**

| JUMLAH KESELURUHAN | PULIH | ICU | KEMATIAN | KES BAHARU | SUDAH DIVAKSIN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1,061,476 | 877,812 | 1,016 | 8,551 | 17,405 | 18,393,347 |

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI



SEORANG penerima vaksin menahan diri ketika menerima suntikan dalam Program Vaksinasi Bergerak anjuran Wilayah Prihatin di PPR Perkasa, Jalan Nakhoda Yusof, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID

# RM5.8b untuk PICK

Oleh ASLINDA NASIR
Aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM5.8 bilion bagi tujuan pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 (PICK).

Menteri Penyelaras PICK, Khairy Jamaluddin berkata, jumlah tersebut merangkumi RM4.8 bilion untuk Kementerian Kesihatan manakala RM1 bilion disalurkan kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Beliau memberi penjelasan demikian bagi membuktikan ketelusan kerajaan dalam hal berkaitan pembelian vaksin seperti yang dibentangkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC).

Menurutnya, pembentangan itu adalah bagi memastikan ketelusan semua perbelanjaan bagi program pemberian vaksin kepada rakyat melalui PICK.

"Pelaksanaan PICK memperuntukkan perbelanjaan besar kepada negara, sudah pasti jumlah perbelanjaan RM5.8 bilion menimbulkan persoalan bagaimana wang ini dibelanjakan.

"Dalam hal ini, PAC telah adakan prosiding sebanyak dua kali iaitu kali pertama 5 Januari lalu, Menteri Kesihatan (Datuk Seri Dr. Adham Baba) dan saya telah memberi keterangan dan sekali lagi semalam saya memberi keterangan di hadapan PAC.

"Untuk makluman dalam prosiding ini, dokumen perjanjian vaksin, butiran perbelanjaan PICK termasuk harga pemberian serta jenis vaksin telah saya dedah kepada PAC," katanya.

Jelas Khairy, selain PAC, MOSTI pada Jumaat lalu telah memberi keterangan kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan Sains dan Inovasi bagi memastikan ketelusan perbelanjaan pengurusan PICK.

"Taklimat juga diberi kepada ahli Parlimen dan saya beri jaminan segala perbelanjaan dan penjanjian dalam perolehan vaksin dan PICK akan saya terus bentang kepada PAC tanpa apa-apa gangguan," katanya

Dalam pada itu Khairy memberitahu, kerajaan bercadang menentukan harga siling untuk penjualan vaksin di pasaran swasta pada masa akan datang.

Ini bertujuan membolehkan mana-mana individu yang sanggup membayar dan tidak mahu menunggu giliran menerusi program PICK boleh mendapatkan vaksin berkenaan.

Menurutnya, penetapan harga siling dibuat untuk mengurangkan bebanan kepada mereka yang membayar bagi mendapatkan vaksin.

# 11 PKRC di Kelantan sesak, hampir penuh

KOTA BHARU: Kesemua 11 Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di Kelantan kini mulai sesak dan hampir 98 peratus penuh, ekoran peningkatan mendadak kes Covid-19 di seluruh negeri.

Pengarah PKRC Kelantan, Dr Mohd. Zurairie Mohd. Zubir berkata, selepas Hari Raya Aidiladha, beberapa kluster baharu dilaporkan dengan kes melonjak antara 300 hingga lebih 500 sehari, berbanding sekitar 150 kes sebelum ini.

Kata beliau, antara PKRC yang kritikal dengan jumlah penggunaan katil hampir 98 peratus ialah PKRC Pusat Tarbiah Islam Kelantan (Putik) Pengkalan Chepa dan Dewan Jubli Perak MPKB-BRI, di sini.

"Jumlah pesakit di Putik kini 298 orang berbanding kapasiti asalnya 300 orang manakala Dewan Jubli Perak pula sudah ada 201 pesakit berbanding kapasiti 210 orang.

"Secara keseluruhan penggunaan katil di semua 11 PKRC setakat ini mencapai 80 hingga 98 peratus," katanya kepada pemberita selepas membuat tinjauan di Unit Pengangkutan Covid-19, di sini semalam,

Semalam, Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr. Zaini Hussin mengakui, peningkatan kes Covid-19 di Kelantan sejak seminggu kebelakangan ini berpunca daripada kluster 'Aidiladha' serta pasar-pasar lama.

Mengulas lanjut, Dr. Mohd. Zurairie berkata, pihaknya akan membuka PKRC ke-12 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Salor, Jumaat ini selain merancang membuka sebuah lagi di luar Kota Bharu dalam masa terdekat.

"Kita juga membenarkan pesakit yang stabil secara klinikal menjalani perintah kuarantin di rumah (HIO) dengan syarat tertentu bagi memastikan mereka selamat selain tidak menyebabkan penularan pandemik kepada orang lain," katanya.



DR. MOHD. ZURAIRIE memeriksa ambulans Bulan Sabit Merah yang digunakan untuk mengangkut pesakit Covid-19. - UTUSAN/ROHANA MOHD. NAWI

# Sedia tempat rujukan status pesakit di HTAR

KLANG: Pengurusan Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang digesa mewujudkan tempat rujukan bagi waris yang ingin mengetahui status ahli keluarga mereka yang sedang dirawat akibat Covid-19.

Inisiatif berkenaan dilihat bakal memberi kemudahan kepada waris yang ketika ini tidak dibenarkan menziarah ahli keluarga mereka berikutan larangan yang dikuatkuasakan dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) hospital bagi mengelakkan penularan jangkitan.

Menurut Pengerusi Selangor People's Voice (SPV), M. Paramasivan, beliau mendapat banyak aduan waris pesakit Covid-19 yang tidak tahu kepada siapa hendak bertanya.

"Orang ramai sudah pasti risau dengan keadaan keluarga seperti ibu bapa dan saudara yang berada di wad setelah dijangkiti Covid-19.

"HTAR sepatutnya membuka talian telefon dan kaunter informasi untuk waris merujuk keadaan keluarga mereka. Dalam keadaan Covid-19 masih berleluasa, sudah pasti mereka tidak boleh datang selalu ke kawasan hospital," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Paramasivan menambah, beliau menerima luahan beberapa waris pesakit yang tidak mendengar khabar ahli keluarga daripada pihak hospital sehingga dua minggu dan lebih menyedihkan hanya dihubungi untuk memberitahu mereka sudah meninggal dunia.

Menurutnya, ahli keluarga pesakit Covid-19 memahami tekanan yang dihadapi barisan hadapan di HTAR yang perlu merawat pesakit ramai, namun yakin inisiatif mewujudkan tempat rujukan jalan terbaik untuk mengetahui keadaan semasa ahli keluarga pesakit.

"Kita memahami masalah kesibukan petugas di HTAR tetapi waris berhak mengetahui keadaan keluarga mereka dari semasa ke semasa.

"Situasi pesakit kritikal atau semakin sihat, bukan satu isu tetapi apa yang penting mereka perlu ada maklumat bagi mengurangkan tekanan perasaan ahli keluarga di luar hospital," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

COMMUNITY TRANSMISSION

# 'CASES EXPECTED TO RISE IN NEXT FEW DAYS'

Deputy Health D-G says public urged to use self-test kits to identify as many cases as possible

NOR AIN MOHAMED RADHI
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

THE number of daily Covid-19 cases is expected to increase over the next few days with increased testing and the use of the RTK-Antigen self-test kits that allow users to conduct Covid-19 self-testing at home, said Deputy Health director-general Datuk Dr Chong Chee Kheong.

He, however, said the public should not be alarm-ed by the situation.

He said the Health Ministry was encouraging the use of the self-kits as it wanted to identify as many cases as possible to reduce transmission in the community.

"As more of these positive cases and their contacts are isolated and quarantined, cases will start to gradually come down in the weeks to come.

"Once that happens, the testing will be re-strategised to ensure effective detection of cases for isolation and monitoring," he said yesterday.

Dr Chong, who is also the Greater Klang Valley Special Task Force (GKV STF) head, said the reason why cases were still rising in the Greater Klang Valley despite vaccination ramp-ups was the size of the Covid-19 outbreak was far larger than the numbers detected daily.

He said many asymptomatic or pre-symptomatic individuals were unaware they had been infected and were spreading the virus.

"An important contribution is also the Delta variant that has a high infectivity rate. The rising numbers of infections and deaths indicate the dire situation, one that is very evident to the public.

"Covid-19 infections are very widespread in the community and our hospital capacity in the Greater Klang Valley, including intensive care unit (ICU), is stretched to the maximum.

"Remember, vaccine effectiveness is best two weeks after the second dose, so this takes time."

He added that the GKV STF had put in place strategic measures to optimise care services, reduce virus transmission and support the community and healthcare staff.


*Datuk Dr Chong Chee Kheong.*

"Given the current situation, outbreak management interventions have shifted from containment to mitigation efforts to prevent death and minimise the spread of the disease."

He said among the initiatives included increasing the capacity of beds, ICU care, oxygen supply, manpower deployment and the use of volunteers.

"Moving non-Covid-19 patients to the private sector is also helping to free up beds.

"We have also strengthened Covid-19 Assessment Centres (CAC) by offering virtual CAC for the asymptomatic and mildly symptomatic patients, and enhanced home monitoring management."

Dr Chong said improvement in terms of support for frontliners had also been put in place, along with strengthening the social and emotional support systems for the public.

"We are acquiring and allocating funding to procure additional medical equipment and medication, and also attempting to improve our communication with the public on critical issues and keep them updated."

He called on those living in the Greater Klang Valley to get tested should they display Covid-19 symptoms.

"Once you are confirmed positive, please do home isolation, and do self-monitoring frequently through the MySejahtera application.

"Home isolation is for asymptomatic and mildly symptomatic patients who do not need hospitalisation and will recover.

"We do not want to congest hospitals with mild cases so that treatment for severe patients can be prioritised.

"Our staff will contact those who are 'red flagged' as high risk and request them to go to the nearest CAC or hospital."

He said those who thought they had been exposed but were not identified as close contacts were encouraged to test at private health facilities or do a saliva-based self-test.

"We hope to offer more RTK-Antigen tests to health clinics and general practitioners via sales of the Medical Devices Authority-approved test kits to allow for wider testing," he said, adding that the test kits were available in pharmacies for the public to buy and test themselves.



*Page 1 pic: Foreign workers waiting to receive the Covid-19 vaccine at the Kuala Lumpur Convention Centre yesterday.* PIC BY AIZUDDIN SAAD

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY



Foreign workers waiting to receive their Covid-19 jabs at the Kuala Lumpur Convention Centre yesterday.

# 553,871 shots given on Tuesday

**KUALA LUMPUR:** The number of vaccine doses administered under the Covid-19 National Immunisation Programme has seen a steady rise, with 553,871 jabs given on Tuesday.

This brings the cumulative vaccine doses to 18,393,347 up to Tuesday.

In an infographic shared by the Special Committee on Covid-19 Vaccine Supply Access Guarantee (JKJAV) on Twitter, the Covid-19 Task Force (CITF) said that 356,112 first doses and 197,759 second doses were given.

This is an increase compared with Sunday, where 521,923 doses were administered, with 333,621 people receiving the first dose and 188,302 the second dose.

On July 25, 399, 135 doses were given, where 281,481 people had their first dose and 117,654 the second dose.

On Tuesday, Selangor recorded the highest number of vaccinations with 84,409 given the first dose and 56,773 the second dose.

In Kuala Lumpur, 57,525 first doses and 35,592 second doses were administered, while Johor saw 40,791 first and 5,405 second doses given.

In Sabah, 29,560 first doses and 2,250 second doses were given followed by Penang with 23,042 first doses and 7,669 second doses.

In Pahang, 21,735 first doses and 5,335 second doses were given, while in Kelantan, 17,279 first doses and 7,393 second doses were administered.

The CITF said under Op Surge Capacity, 82.9 per cent (144,285) of the adult population in the Klang Valley had received their first dose, and 29.7 per cent (94,233) the second dose, bringing the total number of shots to - 238, 518.

# Record high of 17,405 cases yesterday, second time infections exceed 17,000

**KUALA LUMPUR:** Malaysia hit another record high of daily Covid-19 infections with 17,405 cases yesterday.

This marks the second time the number of daily cases crossed the 17,000 threshold after Sunday when 17,045 cases were recorded.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, in a statement yesterday, said this raised the cumulative Covid-19 infections to 1,061,476, with 175,113 active cases.

The Klang Valley continued to log the bulk of fresh infections with Selangor recording the highest number at 7,171 cases followed by Kuala Lumpur at 2,880.

"Kedah reported 1,112 new cases, followed by Sabah (913), Negri Sembilan (863), Penang (760), Johor (767), Kelantan (532), Melaka (531), Terengganu (490), Sarawak (464), Pahang (429) and Perak (406). Putrajaya reported 68 new cases, Labuan 16 and Perlis three cases."

Of the new cases, Dr Noor Hisham said, 97.9 per cent (17,031) were in categories 1 and 2, while 2.1 per cent (374) were in categories 3, 4 and 5.

"In general, only 11.7 per cent (or 2,032 cases) from today's (yesterday's) new cases had a history of Covid-19 vaccination."

On fatalities, Dr Noor Hisham said 143 deaths were reported over 24 hours, bringing the tally to 8,551.

On Tuesday, Covid-19 claimed 207 lives, and on Monday, it was also 207 deaths.

Dr Noor Hisham said 41 deaths were recorded in Selangor followed by Negri Sembilan (21), Johor (17), Kuala Lumpur (14), Perak (11), Kedah (10), Sabah (nine), Melaka (seven), Penang and Kelantan (five each), and Pahang (three).

"Of the total deaths, 123 were Malaysians," Dr Noor Hisham said, adding that 14 were brought in dead and 29 had no chronic ailments.

He said 1,016 patients were treated in intensive care units compared with 1,023 on Tuesday.

He said 12,373 new recoveries were reported, pushing the cumulative recoveries to 877,812, or 82.7 per cent.

He said 41 clusters were ide[ntified] yesterday, including [...] workplace clusters, 16 commu[nity] clusters, two detention cent[re] clusters and one education clu[s]ter.

Dr Noor Hisham said t[he] Health Ministry detected cas[es] involving 10 more Covid-19 va[ri]ants of concern (VOC) betwe[en] July 22 and 28.

The new cases reported duri[ng] this period are all of the Del[ta] variant. The cumulative cases i[n]fected with the VOC and varia[nts] of interest stand at 439.

**AKHBAR : THE STAR**
**MUKA SURAT : 6**
**RUANGAN : NATION**

# 17,405 cases mark all-time high

## Numbers breach 10,000 for 16 straight days

**PUTRAJAYA:** Malaysia's daily Covid-19 figures hit an all-time high after recording 17,405 new infections. This overtook the record 17,045 cases set only three days on July 25.

It is now 16 days in a row that Malaysia's daily cases have stayed above the 10,000 mark.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the country's total cumulative cases had now reached 1,061,476.

Selangor remains the state with the most cases with 7,171 new infections, of which 4,128 (57%) of cases are those from close contacts of Covid-19 patients.

Another 2,703 (37%) are unlinked cases while only 338 are related to clusters.

GET VACCINATED! For the good of you, me and all Malaysians

Kuala Lumpur has the second highest number of new cases at 2,880. Kedah recorded 1,112 new cases, the fourth consecutive day of four digits in the state.

Dr Noor Hisham said 17,031 (or 97.9%) of the country's new cases were reported as mild or asymptomatic. Some 374 cases, or 2.1%, are classified as Categories 3, 4 or 5.

Yesterday, another 12,373 patients were discharged from treatment.

To date, 877,812 patients in Malaysia have recovered.

Watch the video TheStarTV.com

There are 143 more Covid-19 fatalities, bringing the national death toll to 8,551. The casualties involved 123 Malaysian citizens and 20 foreigners.

Total active cases in the country have now gone up to 175,113. Of this figure, 1,016 are in intensive care units with 529 on ventilator support.

Dr Noor Hisham also said the ministry's Institute for Medical Research had detected 10 new Delta variant (B.1.617.2) cases in the country.

**New cases by category for July 28**
**TOTAL CASES 17,405**

| Category | Description | Cases | % |
|---|---|---|---|
| Category 1 | Asymptomatic (no symptoms) | 9,119 cases | 52.4% |
| Category 2 | Mild symptoms | 7,912 cases | 45.5% |
| Category 3 | Pneumonia (inflammation of the lungs) | 120 cases | 0.7% |
| Category 4 | Pneumonia and require oxygen | 95 cases | 0.5% |
| Category 5 | Pneumonia and need ventilator support | 159 cases | 0.9% |

Source: Health Ministry — TheStar graphics

## 'Daily cases will rise further with more tests'

**PETALING JAYA:** Don't be alarmed over the high number of Covid-19 cases in the next few days as the daily number will decline in the coming weeks with more tests done and later restrategised, says Health deputy director-general Dr Chong Chee Kheong.

With the Health Ministry encouraging more self-testing and the use of RTK-Antigen (RTK-Ag) to detect the virus, Dr Chong said the daily Covid-19 cases would rise further.

"But do not be alarmed over the expected surge in the next few days; we need to identify as many cases as possible to reduce transmission in the community.

"As more of these positive cases and their contacts are isolated and quarantined, cases will start to gradually come down in the weeks to come. Once that happens, the testing will be restrategised to ensure effective detection of cases for isolation and monitoring," he said in a statement yesterday.

Dr Chong, who heads the Greater Klang Valley Special Task Force for Covid-19, said the team had been working continually to put in place measures to contain the impact of the outbreak.

The task force, he added, was working hard amid the rising numbers of infections and deaths and overstretched hospital capacity, including the intensive care units.

On why the numbers are still rising in the Greater Klang Valley despite the vaccination rate being ramped up, Dr Chong said it was important to know that the size of the outbreak was far larger than the numbers detected each day.

"Many asymptomatic or pre-symptomatic individuals, who are not aware of their infection, are spreading the virus. Remember that the vaccine effectiveness is best only two weeks after the second dose, so this takes time," he explained.




**Safety first:** An electronic billboard in Jalan Ampang, Kuala Lumpur, broadcasting a reminder for people to work together to stop the Covid-19 outbreak. — FAIHAN GHANI/The Star

He also noted that the highly transmissible Delta variant had contributed to the situation, adding that nations with high vaccination rates had shown that infections could still occur due to the variant but with hospitalisation and severe infections significantly reduced.

He said the task force had shifted from containment to mitigation efforts to prevent deaths and minimise the spread of the disease.

The initiatives include increasing the capacity of beds, ICU care, oxygen supply, manpower deployment and use of volunteers; moving non-Covid-19 patients to the private sector to free up beds; and help from the army in logistical and manpower support.

He said the task force also hoped to offer more RTK-Ag tests to health clinics and general practitioners via sales of test kits approved by the Medical Device Authority to allow for wider testing.

## Private clinics in Negri can help with jabs

**SEREMBAN:** The Negri Sembilan government wants more private clinics, especially those in rural areas, to participate in the National Covid-19 Immunisation Programme, says state health committee chairman S. Veerapan.

He said this was important so that more people could be inoculated to achieve herd immunity more quickly. Citing an example, he said the majority of private clinics in Tampin, near here, had not been supportive of the initiative.

"This is highly regrettable because their participation would have helped in getting people vaccinated faster.

"These private doctors in Tampin can help in the mobile outreach programme to provide jabs to those living in the many Felda schemes as well as the Orang Asli," he added.

The situation here, said Veerapan, was different as many private clinics had come forward to take part in the national programme.

Checks showed that there are 58 private clinics and healthcare facilities in Negri Sembilan that have participated in the programme.

In total, these clinics have the capacity to dispense some 4,900 shots a day. The state government has set a target to inoculate 700,000 people by Aug 31.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

ALISHA NUR MOHD NOOR AT THE DEWAN RAKYAT

# Probe at quarantine centre on news crew, says minister

**KUALA LUMPUR:** The issue of contract doctors being questioned by police over a recent protest, despite an assurance by the Health Ministry that they would not face any action, has taken a new and surprising turn.

Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba has now placed the blame on news crew, claiming that they had breached a quarantine and low-risk treatment centre to provide coverage of the protest.

In a text response to a query from *theSun*, Adham stressed that his ministry is not involved in the ongoing police investigation.

He refuted claims by lawyer Asheeq Ali Sethi Alivi that Dr Shahabuddin Ibrahim, who is director of the Malaysia Agro Exposition Park Serdang (Maeps) Covid-19 Quarantine and Low Risk Treatment Centre, had lodged a police report.

In a 5.13am tweet yesterday, Asheeq Ali, who claimed he was representing the medical personnel, said 12 doctors were interrogated between 11.45pm on Tuesday and 3.50am yesterday.

The doctors had participated in the #HartalDoktorKontrak protest to to express unhappiness over their status as contract medical staff, which left them with no avenue to pursue their dreams of becoming specialists unless they were given permanent positions in the public healthcare system.

They were also unhappy with the fact that they were getting lower salaries and fewer benefits compared with permanent staff.

Adham said Maeps is under the National Disaster Management Agency, which reports to the minister in the Prime Minister's Department.

"(As far as the health minister is concerned) instructions have already been given not to take disciplinary action against the doctors."

When asked why the doctors were held for questioning for up to four hours, Adham said: "You should ask the police."

In his text response, Adham also sent a screenshot of Asheeq Ali's tweet on which he had circled a line which read that the doctors were questioned to assist in investigations against media personnel.

According to Sepang deputy police chief Md Noor Aehawan Mohamed, there was a complaint that six media personnel from various agencies had entered Maeps without permission.

In a statement issued yesterday, he said one of the media personnel was understood to have live-streamed the coverage while he was in the hall and the police have collected a total of 17 statements from medical frontliners who were on duty during the incident to assist in the investigation.

The probe is being conducted under Section 448 of the Penal Code for trespass, Section 17(1) of the Prevention and Control of Infectious Diseases Regulations 2021 for flouting standard operating procedures, and Section 233 of the Communications and Multimedia Act 1998 for recording in a prohibited zone.

Fahmi Fadzil (PKR-Lembah Pantai) raised eyebrows in the House yesterday when he questioned the integrity of the health minister's announcement on the assurance that no disciplinary action would be taken against the doctors who took part in the protest.

"He has no authority to direct police to stop the interrogation and we have not heard a word from the home minister or the prime minister."

> Police were seeking information from medical officers on breach of restricted area by media staff: Adham

